

ARAHAN 16/2020

DI BAWAH BAB 62A AKTA PENYAKIT BERJANGKIT PENGGAL 204

1. Menurut Perintah Akta Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2020 yang berkuatkuasa bermula 30 Januari 2020 dan sebagaimana kenyataan media Kementerian Kesihatan yang disiarkan pada 28 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 22 Mei 2020,
 - 1.1. Sesiapa yang telah mendaftar sebagai *runners* dengan pihak Kerajaan adalah dikehendaki untuk mematuhi garis panduan bagi *runners* yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan semasa mengendalikan barangan seperti memakai penutup mulut dan hidung (*face mask*), *gloves*, *Personal Protection Equipment (PPE)* iaitu, *apron*, *raincoat* atau *poncho* semasa mengendalikan barangan. Sesiapa yang gagal mengikuti garis panduan ini boleh diambil tindakan undang-undang di samping kebenaran permit mereka dibatalkan.
2. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar arahan yang telah dikeluarkan ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggalaan 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Tarikh: 26 Syawal 1441
18 Jun 2020